

13 MAR 2001

Singapura-Malaysia

SINGAPURA, MALAYSIA SEMAKIN HAMPİR MENYELESAIKAN ISU BERBANGKIT

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 13 Mac (Bernama) -- Singapura dan Malaysia telah mengorak satu langkah ke hadapan dalam menyelesaikan pakej mengenai isu-isu hubungan dua hala yang belum dibereskan, Menteri Luar Singapura S.Jayakumar memberitahu Parlimen hari ini.

Katanya hubungan antara kedua-dua buah negara juga semakin baik.

Jayakumar berkata kementerian itu pada 7 Mac telah menerima surat bertarikh 21 Feb mengenai perkara berkenaan daripada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk Menteri Kanan Lee Kuan Yew.

"Kami masih mengkajinya. Kajian awal kami menunjukkan bahawa ada kelainan pada sesetengah perkara antara jawapan Dr Mahathir dan kefahaman Menteri Kanan dengan Dr Mahathir semasa lawatan beliau ke Kuala Lumpur tahun lepas," kata Jayakumar.

Tetapi perbezaan-perbezaan itu "didapati tidaklah besar", katanya semasa menjawab pertanyaan daripada tujuh anggota Parlimen mengenai hubungan dua hala yang menguasai perbincangan mengenai anggaran belanjawan kementerian berkenaan.

Jayakumar berkata Singapura perlu meneliti cadangan harga bekalan air berterusan dari Malaysia yang pada masa ini menjual air mentah seperti yang termaktub di bawah dua perjanjian sedia ada yang akan berakhir masing-masing pada 2011 dan 2061.

"Kita perlu meneliti cadangan harga air yang akan kita beli dari Malaysia mengikut perjanjian baru yang akan meliputi tempoh antara 2011 dan 2061 dan bagi tempoh selepas 2061 apabila perjanjian Sungai Johor tamat.

"Perkara lain ialah campuran air mentah dan dirawat walaupun isi padu dan kuantum kekal pada jumlah yang sama pada masa ini," katanya.

Mengenai bila pakej itu akan diselesaikan, Jayakumar berkata beliau berharap ia akan diselesaikan pada bulan-bulan akan datang melalui tolak ansur yang telah merapatkan kedua-dua pihak untuk mencapai penyelesaian.

"Kedua-dua pihak berminat untuk menyelesaikan pakej isu-isu dua hala itu secepat mungkin supaya kita dapat mengetepikan isu ini. Walaupun tiada tempoh masa yang kita tetapkan, saya ingin memberi jaminan kepada Parlimen bahawa wujud tindakan segera di kedua-dua pihak, ini merupakan satu langkah ke hadapan," katanya.

Isu bekalan air merupakan komponen penting dalam pakej yang sejak beberapa tahun ini mengeruhkan hubungan dua hala. Ia juga termasuk penempatan semula pusat pemeriksaan kastam Malaysia di Stesen Keretapi Tanjung Pagar milik Malaysia di sini, pembangunan tanah kereta api di Singapura dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura.

Jayakumar berkata Singapura telah bersetuju secara dasarnya kepada cadangan Malaysia untuk memindahkan stesen kereta api di Tanjung Pagar ke Kranji, juga di sini, dan pembinaan rel kereta api bawah tanah antara bandar raya Johor Baharu di Malaysia ke Kranji.

Jayakumar yang menyifatkan hubungan dua hala itu sebagai "bertahan" setahun lepas, berkata keadaan itu telah semakin baik selepas lawatan Lee ke Kuala Lumpur dan juga lawatan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke negara kepulauan ini bulan lepas.

Menurutnya wujud masalah selepas Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong membuat ulasan mengenai Melayu tetapi "ia tidak mengubah nada keseluruhan perhubungan yang semakin baik."

Goh mencetuskan kemarahan di seberang Tambak apabila beliau berkata kedudukan Melayu di Singapura adalah lebih baik daripada rakan mereka di

Malaysia.

Dua daripada anggota Parlimen yang berucap, meminta kerajaan menyegerakan pertukaran di kalangan pegawai kanan, golongan muda dan kakitangan awam bagi menggalakkan persefahaman sesama mereka.

-- BERNAMA
TCL LAT RON